

KUALA LUMPUR, 4 DIS. (BERNAMA) — PUSAT DAYA PENGELUARAN NEGARA (PDPN) AKAN DIMINTA MEMAINKAN PERANAN LEBIH LUAS MEWUJUDKAN KUMPULAN PERNIAGAAN BUMIPUTERA YANG LEBIH BESAR, DEMIKIAN DITEGASKAN OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SELEPAS MENDENGAR TAKLIMAT DI PUSAT ITU ADALAH PENTING DIUBAH SIKAP PENIAGA BUMIPUTERA BAGI MENJAMIN KEJAYAAN MEREKA DALAM BIDANG PERNIAGAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERPENDAPAT PDPN BOLEH MEMAINKAN PERANAN LEBIH BERKESAN DALAM MENENTUKAN BUMIPUTERA YANG MELIBATKAN DIRI DALAM PERNIAGAAN MEMPUNYAI MOTIVASI YANG BETUL DAN DIBERI LATIHAN YANG SEMPURNA SERTA JENIS-JENIS PERNIAGAAN YANG SESUAI DENGAN DIRI MEREKA.

ADALAH JUGA PENTING BAHAWA ORANG-ORANG YANG BENAR-BENAR BERMINAT DIBERI LATIHAN PERNIAGAAN DAN BIMBINGAN DAN TIDAK TERHAD KEPADA BEBERAPA ORANG TERTENTU SAHAJA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI KESAL DENGAN SIKAP SETENGAH BUMIPUTERA YANG MELIBATKAN DIRI DALAM PERNIAGAAN SEMATA-MATA KERANA BERPENDAPAT KERAJAAN MENYEDIAKAN PELBAGAI KEMUDAHAN UNTUK MEREKA BERBUAT DEMIKIAN. — BERSAMBUNG 1727/AI

MAHATHIR-PDPN 2 KUALA LUMPUR

BELIAU MENEGASKAN WALAUPUN DASAR KERAJAAN TALAH UNTUK MENGALAKKAN LEBIH RAMAI BUMIPUTERA MENCEBURKAN DIRI DALAM PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN, IA JUGA BERAZAM UNTUK MELIHAT MEREKA ITU BERJAYA DALAM BIDANG TERSEBUT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN BUMIPUTERA YANG INGIN MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PERNIAGAAN SUPAYA JANGAN MENGANGGAP BAHAWA KERAJAAN AKAN MEMBERI WANG BEGITU SAHAJA BERUPA PINJAMAN.

KEUPAYAAN KERAJAAN BERBUAT DEMIKIAN ADALAH TERHAD, TAMBAHNYA.

BELIAU JUGA MENEKANKAN PERLUNYA PENIAGA BUMIPUTERA MENJAMIN BAHAWA MEREKA MEMPUNYAI MODAL YANG CUKUP, MOTIVASI YANG BETUL SERTA KEAZAMAN UNTUK BEKERJA KERAS DAN BERJAYA.

SEBAGAI CONTOH, KATANYA, ADALAH MERUGIKAN SEKIRANYA SESEORANG BUMIPUTERA ITU YANG MEMPUNYAI MODAL \$1,000 MEMASUKI BIDANG PERNIAGAAN YANG MEMERLUKAN MODAL \$10,000 DAN KEMUDIAN MEMOHON PINJAMAN SEBANYAK \$50,000 UNTUK MEMULAKAN PERNIAGAAN BARU SEDANGKAN IA TIDAK BERUPAYA MEMBAYAR SEMULA PINJAMAN TERSEBUT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN BERAZAM MEMASTIKAN BAHAWA MEREKA YANG MENYERTAI BIDANG PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN DAN MEMOHON PINJAMAN BERKEUPAYAAN MEMPEROLEH PULANGAN SERTA MEMBAYAR BALIK HUTANG PIUTANG MEREKA.

TERDAHULU DARI ITU, PENGARAH PDPN, DATUK ABU KASSIM HAJI MOHAMED MEMBERITAHU, KIRA-KIRA 40 PERATUS DARIPADA KEGIATAN PUSAT TERSEBUT TERTUMPU KEPADA RANCANGAN PEMBANGUNAN USAHAWAN BUMIPUTERA. — BERNAMA 1733/AI